

Kes bekas juruperunding NFC disebut 27 Mac

KLANG: Kes tipu membabitkan bekas juruperunding syarikat Pusat Fidlot Nasional (NFC), Datuk Shamsulbahrin Ismail akan disebut semula di Mahkamah Majistret di sini, pada 27 Mac ini.

Majistret Ho Kwong Chin menetapkan tarikh itu semalam, selepas kes itu disebut di hadapannya.

Shamsulbahrin, 46, yang menjadi Ketua Eksekutif syarikat Shamsulbahrin Ismail Resources Sdn Bhd, didakwa menipu wang RM90,000 milik pemandu teksi, Limat Jonit, 56, dengan memperdayakan mangsa melaburkan wang berkenaan dalam sebuah syarikat yang tidak wujud.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Maybank cawangan Pelabuhan Klang pada 24 Mac 2010.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya,

Elya Ezrin Mohd Roslan manakala tertuduh diwakili peguam, Zarina Ismail.

Sementara itu, di Mahkamah Sesyen Shah Alam, eksekutif akaun sebuah syarikat penghantaran mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan pecah amanah membabitkan RM60,651.

Noraniza Idris, 24, didakwa menyalahgunakan wang syarikat East West Freight Services Sdn Bhd, untuk kegunaannya sendiri di premis syarikat berkenaan di Jalan Berangan, Pelabuhan Klang, antara 29 Julai dan 7 September tahun lalu.

Timbalan Pendakwa Raya, Iswa Tonie menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin. Bagaimanapun Noraniza yang tidak diwakili peguam memohon jaminan dikurangkan kerana tidak mampu membayar jaminan berkenaan.